

PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2023

UiTM CNS



ENCULTURE

ENGAGE

CREATE



**EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY**

eISSN 2805-5535



9 772805 553005

MODEL INTEGRASI PROGRAM ILMU OH MUDAHNYA TAJWID (OMT): BELAJAR TAJWID AL-QURAN MENERUSI SIMBOL

Suzana Baharudin dan Juliana Hamka Kamaruddin
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM)
UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban

Profesor Madya Dr Norwati Haji Roslim
Akademi Pengajian Bahasa (APB)
UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau

Al-Quran merupakan kalam Allah yang merupakan panduan kehidupan para muslimin dan muslimat. Al-Quran perlu dibaca dengan tertib dan tajwid yang betul dan tepat. Hukum mempelajari ilmu Tajwid adalah Fardhu Kifayah tetapi mengamalkannya ketika membaca Al-Quran adalah Fardhu Ain ke atas setiap orang yang ingin membaca Al-Quran seperti di dalam Firman Allah Ta'ala di dalam Surah Al-Muzzammil, ayat 4 yang bermaksud, *"Dan bacalah akan Al-Quran dengan tartil"*. Rasulullah S.A.W. juga bersabda yang diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah, *"Sesungguhnya Allah Ta'ala sukakan hamba-Nya yang membaca Al-Quran dengan betul sebagaimana ianya diturunkan"*. Kedua-dua kenyataan di atas menunjukkan bahawa mempelajari ilmu Tajwid adalah dituntut ke atas setiap umat Islam.

Cara mudah membaca Al-Quran tanpa mengingati hukum tajwid yang banyak
#GunaSimbolJe

7 Januari 2023
8.30 pagi - 5.00 petang
UiTM Cawangan N. Sembilan
Kampus Seremban
TEMPAT ADALAH TERHAD
DAFTAR SEBELUM 21 DISEMBER 2022
UNTUK HARGA ISTIMEWA!

USTAZ MOHD ARIF ASA'AD JOHARI
Penasihat
/OhMudahnyaTajwid dan
#GunaSimbolJe

Golongan Pembaca Al-Quran
Vokal dan Huruf Istimewa
Dengung
Hamzah Wasl
Bacaan Mad

Alhamdulillah kerana modul yang disediakan sangat ringkas dan mudah dipraktikkan
- Nurazani Baharudin

Program yang baik, penerangan yang jelas, teknik pengulangan memudahkan ingatan dan pemahaman
- Ahmad Fauzy

HARGA ISTIMEWA UNTUK PELAJAR & ASNAF RM90
PENDAFTARAN KINI DIBUKA
PERCUMA BUKU KERJA OH MUDAHNYA TAJWID
https://forms.gle/1MEXuPGbbFkwPgCA

UNTUK PERTANYAAN LANJUT DAN TAJAAN PESERTA ASNAF, HUBUNGI :


016-3177074
PUAN SUZANA

012-5190327
PUAN NURULAINI

Namun mempelajari tajwid tidaklah begitu mudah, pelbagai hukum perlu diingati dan diaplikasikan semasa membaca Al-Quran. Justeru itu, Kolej Pengajian Pengkomputeran Informatik dan Media (KPPIM), UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban, telah mengambil inisiatif untuk mengendalikan satu program keagamaan dalam mempelajari tajwid hanya dengan menerusi simbol yang sedia ada dalam Al Quran itu sendiri. Program yang berlangsung selama satu hari ini bertajuk "OH MUDAHNYA TAJWID : BELAJAR TAJWID AL-QURAN MENERUSI SIMBOL" telah dikendalikan pada 7 Januari 2023, bertempat di Dewan Toh Puan Sungei Ujung2 (TPSU2), UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Penganjuran program Oh Mudahnya Tajwid (OMT) ini adalah memenuhi ciri model integrasi program yang bersifat holistik kerana dilaksanakan untuk mencapai empat objektif. Program ini merupakan program penjana pendapatan disamping objektif utama untuk menjayakan majlis ilmu

Fardhu Ain di mana penyertaannya dibuka kepada staf UiTM dan keluarga, para pelajar dan masyarakat setempat. Daripada perkiraan yang dibuat, program ini telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM2832 untuk tabung KPPIM, UiTM Negeri Sembilan. Program ini turut menyantuni golongan asnaf yang terdiri daripada pelajar-pelajar asnaf UiTM dan masyarakat asnaf di sekitar Negeri Sembilan. Secara tidak langsung program ini telah diklasifikasikan sebagai program operasi khidmat masyarakat kerana membuka ruang penajaan di kalangan staf UiTM untuk menampung yuran penyertaan peserta daripada golongan asnaf. Staf UiTM yang menaja peserta program OMT telah diberikan surat penghargaan dan pelepasan cukai LHDN di atas sumbangan mereka terhadap kerja khidmat masyarakat. Yuran penyertaan peserta ialah RM75 seorang, manakala yuran penajaan seorang peserta golongan asnaf ialah RM60 atau lebih untuk seorang peserta. Program OMT ini telah mendapat kelulusan penajaan dan persetujuan daripada Pejabat Canseleri UiTM dan telah dipromosikan menerusi surat jemputan dan emel kepada pejabat-pejabat kerajaan Negeri Sembilan, staf UiTM Negeri Sembilan serta menerusi platform media sosial seperti Telegram, Facebook, Instagram dan WhatsApp.



Program OMT ini memperkenalkan kaedah membaca Al-Quran menggunakan simbol yang mudah, ringkas dan berkesan tanpa perlu menghafal hukum tajwid. Program ini membolehkan para peserta membaca Al-Quran dengan cara melihat kepada simbol yang dipelajari dan melafazkan bacaan, tanpa perlu memikirkan hukum tajwid yang terdapat pada sesuatu ayat. Kursus ini memberi penekanan terhadap simbol dengung, simbol tidak dengung, simbol antara dengung dan tidak dengung, huruf mad dan hamzah wasol. Walaupun, program ilmu ini dikendalikan oleh KPPIM,

tetapi ilmu tajwid daripada program ini boleh diaplikasikan ke bentuk teknologi interaktif multimedia yang dapat membantu muslimin dan muslimat mempelajari tajwid dengan lebih berkesan pada masa akan datang.



Seramai 97 orang peserta telah mendaftar untuk menyertai program ini, dan hasil maklum balas pelanggan mendapati program ini telah mendapat komen yang positif di kalangan peserta. Majoriti peserta memberi penilaian cemerlang terhadap program ini dan antara komen yang diberi adalah mengenai penceramah telah memberi ceramah dengan kaedah yang tersendiri dan tidak membosankan. Program ini dikendalikan oleh Ustaz Mohd Arif Asa'ad Johari, yang merupakan pengasas dan penyedia modul program "Oh Mudahnya Tajwid". Beliau terkenal kerana kaedah penyampaiannya yang mampu menarik perhatian peserta, tidak menjemukan dan mengajar sambil bergurau senda dan riuh dengan riang tawa peserta tanpa hilang fokus pengajaran. Secara keseluruhan, para peserta gembira dan berpendapat program ini sangat bagus dan bermanfaat kepada semua.

Namun begitu, terdapat satu kekangan yang boleh dijadikan teladan dan sempadan kepada semua warga UiTM iaitu, sikap segelintir pelajar tajaan yang tidak memberi komitmen kehadiran ke program OMT dengan pelbagai alasan. Ini menyebabkan AJK OMT terpaksa mencari pengganti pelajar tersebut di saat akhir. Bilangan peserta pelajar wanita juga adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki dan keadaan ini juga mengusarkan. Berkemungkinan pelajar lelaki kurang berminat mengikuti program ini walaupun



telah diberikan tawaran penajaan sepenuhnya. Justeru itu adalah dicadangkan agar pelajar lelaki diberi sedikit teguran dan nasihat untuk sentiasa menambah ilmu Al-Quran dan menyedari akan kepentingan membaca Al-Quran, sementelah mereka akan bergelar khalifah, imam dan pemimpin suatu hari nanti. Secara kesimpulannya, program sebegini boleh menjadi model kepada program penajaan pendapatan pada masa akan datang disamping memperkasakan masyarakat dengan ilmu dan pengetahuan.